

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : PEMBINAAN JALAN PINTAS**

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagi merencanakan pembangunan di kawasan Batang Kali khususnya di Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa, adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk menyambung semula cadangan pembinaan jalan pintas (*missing link*) yang sebelum ini telah dirancang yang sebelum ini menghubungkan jalan dari Kelab Golf Bukit Beruntung ke Taman Widuri? Ini dapat memendekkan masa perjalanan serta meningkatkan sosio ekonomi setempat. Diharap agar rancangan ini dapat diteruskan untuk kesejahteraan rakyat di Batang Kali.

**JAWAPAN:**

- a) Skop bagi melaksanakan cadangan ini telah dipersetujui di peringkat Daerah dan Negeri bahawa JKR Negeri Selangor yang akan mengambil tindakan susulan bagi menyediakan rekabentuk dan seterusnya melaksanakan cadangan pembinaan jalan tersebut apabila peruntukan diluluskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : SURAT HAK MILIK TANAH**

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Untuk makluman, penduduk di Bandar Sungai Buaya sehingga kini rumah yang mereka duduki masih lagi belum mendapat hak milik individu walaupun mereka telah menetap hampir 20 tahun. Apakah usaha usaha atau inisiatif dari pihak Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan masalah ini?

**JAWAPAN:**

- a) Urusan pengeluaran hakmilik individu bagi penduduk Bandar Sungai Buaya melibatkan dua (2) hakmilik iaitu HSD 13214 PT 10454 (Blok 3) dan HSD 10782 PT 10456 (Blok 5). Permohonan pecah sempadan bagi kedua-dua hakmilik ini telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 11 Jun 2015 dan mewujudkan empat (4) hakmilik baharu iaitu:

Hakmilik Asal	No. Hakmilik Setelah Pecah Sempadan
HSD 13214 PT 10454	(i) HSD 53469 PT 16447
	(ii) HSD 53470 PT 16448
HSD 10782 PT 10456	(i) HSD 53088 PT 16449
	(ii) HSD 53089 PT 16450

Walaupun bagaimanapun, urusan seterusnya iaitu pecah sempadan bagi pengeluaran hakmilik individu tidak dapat dilaksanakan pada masa ini atas faktor-faktor berikut:

- (i) Pihak-pihak yang berkepentingan telah membawa isu pemilikan dokumen hakmilik ke peringkat mahkamah dan masih belum selesai.
- (ii) Terdapat Kaveat Pendaftar dan Kaveat Persendirian yang dimasukkan ke atas hakmilik-hakmilik tersebut.
- (iii) Kesemua hakmilik mempunyai tunggakan cukai tanah yang belum diselesaikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : CAJ PARKIR KENDERAAN**

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kandungan terperinci dalam perjanjian caj parkir kenderaan yang terikat dengan Syarikat Suasa Efektif Sdn Bhd bersama PBT dalam Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Selaras dengan cadangan penyeragaman sistem kutipan parkir kereta, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 10 Tahun 1998 yang telah bersidang pada 1 April 1998 telah melantik Syarikat Suasa Efektif Sdn Bhd bagi menguruskan sistem kutipan parkir kereta melalui kaedah lantikan konsesi. Perjanjian penswastaan telah ditandatangani di antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Syarikat Suasa Efektif pada 26 April 1999. PBT yang terlibat di dalam konsesi bersama Syarikat Suasa Efektif adalah seperti berikut:

- (i) Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA);
- (ii) Majlis Perbandaran Klang (MPK);
- (iii) Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ);
- (iv) Majlis Perbandaran Kajang (MPKj);
- (v) Majlis Perbandaran Selayang (MPS);
- (vi) Majlis Perbandaran Sepang(MPSp); dan
- (vii) Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)

Seperti yang sedia maklum, perjanjian penswastaan adalah di antara PBT dan pihak syarikat. Justeru, perincian berhubung kandungan perjanjian tersebut adalah di bawah kawalan kedua-dua pihak berkenaan dan intipati perjanjian adalah mengikut keperluan PBT masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : SUMBANGAN CSR PEMAJU KAWASAN**

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah sumbangan pemaaju dalam bantuan CSR di dalam kawasan DUN?

**JAWAPAN:**

a) Sumbangan pemaaju dalam bantuan CSR di dalam kawasan DUN adalah dengan menyertai program-program yang diadakan oleh pihak MDKS dan agensi yang berkaitan seperti:-

- i. Program CSR LBS di Kelip-kelip Kampung Kuantan.
- ii. Eco World pembersihan di Pantai Remis Jeram.
- iii. Pembinaan Masjid, Puncak Alam Housing Sdn. Bhd.

Pihak LBS Foundation selaku sebuah yayasan swasta telah bersetuju untuk menandatangani satu Memorandum Persefahaman bersama pihak Majlis Daerah Kuala Selangor pada 23 Februari 2019, di mana pihak LBS akan menjalankan CSR dalam tempoh tiga tahun dengan jumlah RM3 juta seperti yang telah dipersetujui di dalam MOU tersebut.

CSR yang dipersetujui oleh pihak LBS ialah kerjasama dalam menjalankan pembangunan pusat pelancongan Kelip-Kelip Kampung Kuantan samada menjalankan program-program yang berkaitan atau membaikpulih kawasan sekitar pusat pelancongan tersebut.

Sebagai makluman, segala projek dan program yang dijalankan dengan usahasama pihak LBS di pusat pelancongan Kelip-Kelip Kampung Kuantan hendaklah merangkumi dan memenuhi objektif terhadap empat elemen utama iaitu :-

- i. Pendidikan
- ii. Komuniti
- iii. Alam Sekitar
- iv. Kesihatan

Sepanjang tempoh selepas MOU tersebut ditandatangani, berikut merupakan beberapa pembangunan dan program yang telah dijalankan dan kos pelaksanaan adalah di bawah tanggungjawab pihak LBS sepenuhnya.

<b>Bil</b>	<b>Projek / program</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Elemen</b>
1.	Klinik persediaan UPSR untuk pelajar tahun 6 komuniti Kampung Kuantan tahun 2018	18 – 19 Ogos 2018	Komuniti/ Alam Sekitar/ Pendidikan
2.	Pembinaan semula kaunter tiket dan pintu masuk Pusat Pelancongan Kelip-Kelip Kampung Kuantan.	Julai 2018 - sekarang	CSR /Komuniti / Alam sekitar /
	Program berbuka puasa bersama pendayung	15 Mei 2019	Komuniti
3.	Sistem jualan tiket secara online	Pemasangan sistem pada 25 Jun 2019	CSR / Komuniti / Alam sekitar
4.	Melaksanakan Program Hari Kelip-Kelip Sedunia tahun 2109	6 Julai 2019	Komuniti / Alam Sekitar / Pendidikan / Kesihatan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : MEMANTAU PEMBANGUNAN KILANG-KILANG HARAM**

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kilang-kilang industri yang berlesen ada di dalam kawasan DUN Jeram?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah kilang berlesen yang berada di dalam kawasan DUN Jeram mengikut rekod MDKS adalah sebanyak 37 buah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : CUKAI PINTU PBT**

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah cukai pintu yang diperolehi dalam kawasan DUN Jeram?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah cukai pintu yang diperolehi dalam kawasan DUN Jeram adalah seperti berikut:-

<b>MUKIM</b>	<b>BIL PEGANGAN</b>	<b>JUMLAH NILAI TAHUNAN (RM)</b>	<b>JUMLAH CUKAI TAKSIRAN (RM)</b>
Jeram	3,899	30,207,215.34	1,910,038.02

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PEMUTIHAN KILANG BERDAFTAR**

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berikan senarai nama kilang-kilang industri yang berdaftar di dalam DUN Jeram.

**JAWAPAN:**

- a) Senarai nama kilang-kilang industri yang berdaftar di dalam DUN Jeram adalah seperti berikut:-

<b>BIL</b>	<b>TARIKH TAMAT</b>	<b>LOKASI</b>	<b>JENIS LESEN</b>
1	31.12.2019	Deswell Packaging (M) Batu 14 Jalan Kapar, 42200 Kapar, Selangor	Membuat/Memproses Bahan Bangunan, Kotak, Tong Drum, Botol, Karung Guni, Bulu Burung, Kertas Surat Khabar Dan Besi (Tidak Melebihi 500m <sup>2</sup> )
2	29.5.2019	Rembang Global Sdn Bhd Jalan Pusara, Jalan Raja Abdullah, 45800 Pekan Jeram, Selangor	Membuat/Memproses Barang Daripada Plastik Dan Barangan Daripada Pvc (501m <sup>2</sup> Hingga 1000m <sup>2</sup> )
3	20.5.2019	Glory Components (M) Sdn Bhd Mukim Jeram, 45800 Jeram, Selangor	Membuat/Memproses Kerja Kejuruteraan Dan Elektrik (Melebihi 2000m <sup>2</sup> )
4	13.2.2020	Pleasure Latex Products Sdn Bhd 15th Mile, 45800 Jeram, Selangor	Membuat/Memproses Bahan Lain Daripada Getah, Plastik, Kayu, Kulit Dan Kertas (1001m <sup>2</sup> Hingga 2000m <sup>2</sup> )
5	12.2.2020	Carpenter Wise Sdn Bhd Batu 21, Jalan Raja Abdullah, 45800 Jeram, Selangor	Membuat/Memproses Barang Daripada Kayu (Termasuk Papan Lapis), Rotan, Buluh Dan Sejenis Dengannya (501m <sup>2</sup> Hingga 1000m <sup>2</sup> )
6	18.1.2020	Permata Dinar Industries Jalan Haji Othman, Jalan Sasaran, Sungai Buloh Pekan Jeram, 45800 Jeram, Selangor	Membuat/Memproses Bengkel Perabot, Pertukangan Atau Kusyen



BIL	TARIKH TAMAT	LOKASI	JENIS LESEN
7	28.2.2020	Casanova Industries (M) Sdn Bhd Batu 15, Jalan Kapar, Pekan Jeram, 45800 Jeram, Selangor	Membuat/Memproses Tilam (Melebihi 2000m <sup>2</sup> )
8	27.7.2019	Timber Blinds Industries Sdn Bhd Batu 21, Jalan Raja Abdullah, 45800 Jeram, Selangor	Membuat/Memproses Barangan Daripada Kayu (Termasuk Papan Lapis), Rotan, Buluh Dan Sejenis Dengannya (501m <sup>2</sup> Hingga 1000m <sup>2</sup> )
9	28.5.2019	Csy Furniture Industries Sdn Bhd Batu 3 1/2, Jalan Simpang 3, Pekan Jeram, 45800 Jeram, Selangor	Membuat/Memproses Kedai Perabot
10	26.5.2020	Perusahaan Chew Hur Sdn Bhd Batu 15, Sungai Janggut, Jalan Kapar, 45800 Jeram, Selangor	Membuat/Memproses Barang Daripada Plastik Dan Barangan Daripada PVC (Melebihi 2000m <sup>2</sup> )
12	7.1.2020	Crown Manufacture Sdn Bhd Jalan Kereta Api Lama, Batu 15 Sungai Janggut, 45800 Jeram, Selangor	Membuat/Memproses Kedai Perabot
13	28.2.2020	Goodnite International Sdn Bhd Jalan Klang Sungai Janggut, 45800 Jeram, Selangor	Membuat/Memproses Tilam (Melebihi 2000m <sup>2</sup> )
14	13.2.2020	Gummitech Industries Sdn Bhd Batu 17 Sungai Sembilang, 45800 Jeram, Selangor	Membuat/ Memproses Bahan Daripada Getah Atau Getah Hitam (Tidak Melebihi 500m <sup>2</sup> )
15	27.3.2020	Jurina Timpac Sdn Bhd Jalan Suara, Jalan Besar, Batu 17, Sungai Sembilang, 45800 Jeram, Selangor	Membuat/Memproses Barang Daripada Kayu (Termasuk Papan Lapis), Rotan, Buluh Dan Sejenis Dengannya (Tidak Melebihi 500m <sup>2</sup> )
16	31.12.2019	Good Form Industries Sdn Bhd Jalan Besar Sungai Sembilang, 45800 Jeram, Selangor	Membuat/Memproses Tilam (Melebihi 2000m <sup>2</sup> )
17	31.12.2019	Goodnite Sdn Bhd Jalan Kapar, Jalan Besar Sungai Sembilang, 45800 Jeram, Selangor	Membuat/Memproses Aktiviti Perindustrian Yang Tidak Termasuk Di Dalam Jadual Ini (Melebihi 2000m <sup>2</sup> )
18	1.6.2019	Ideal Quality Sdn Bhd Batu 17 Sungai Sembilang, 45800 Jeram, Selangor	Membuat/Memproses Bahan Daripada Getah Atau Getah Hitam (Tidak Melebihi 500m <sup>2</sup> )
19	5.8.2019	Wrizer Food F&B Sdn Bhd Jalan Kereta Api Lama Sungai Sembilang, 45800 Jeram, Selangor	Membuat/Memproses Kopra Dan Kelapa (201m <sup>2</sup> Hingga 1000m <sup>2</sup> )

BIL	TARIKH TAMAT	LOKASI	JENIS LESEN
20	31.12.2019	Gold Breeze Corporation Sdn Bhd Jalan Kereta Api Lama Sungai Sembilang, 45800 Jeram, Selangor	Membuat/Memproses Bengkel Perabot, Pertukangan Atau Kusyen
21	19.10.2019	Value Plus Industries Sdn Bhd Jalan Sungai Sembilang, Batu 17 Sungai Sembilang, 45800 Jeram, Selangor	Membuat/Memproses Barang Daripada Kayu (Termasuk Papan Lapis), Rotan, Buluh Dan Sejenis Dengannya (Mekebihi 2000m2)
22	15.3.2020	Perusahaan Getah Asas Sdn Bhd Batu 17 Sungai Sembilang, 45800 Jeram, Selangor	Membuat/Memproses Bahan Daripada Getah Atau Getah Hitam (Melebihi 2000m2)
23	28.4.2019	Linatex Rubber Products Sdn Bhd Jalan Suara Batu 15, Sungai Sembilang, 45800 Jeram, Selangor	Membuat/Memproses Aluminium, Tembaga, Emas, Perak, Piuter, Besi, Timah Putih, Keluli Atau Logam Lain (Melebihi 2000m2)

#### BANDAR PUNCAK ALAM

BIL	TARIKH TAMAT	LOKASI	JENIS LESEN
1	31.12.2019	Perusahaan Getah Asas Bancar Puncak Alam, Selangor	Membuat/Memproses Bahan Daripada Getah Atau Getah Hitam (Tidak Melebihi 500m2)
2	22.11.2019	Jean Chen One Enterprise Bandar Puncak Alam, Selangor	Menjual/Memberi Perkhidmatan Makmal Memproses Gambar
3	1.1.2020	Majubina Agrottrade Industries (M) Sdn Bhd Jalan Astana E 13/E, Pusat Niaga Astana Alam, Seksyen 13, 42300 Bandar Puncak Alam, Selangor	Kilang Memproses Buah-Buahan Kering
4	7.1.2020	Lave Asia Jalan Dataran Suria 15/7/3, Seksyen 15, 42300 Bandar Puncak Alam, Selangor	Membuat/Memproses Detergen, Bahan Pencuci Dan Bahan Yang Berkaitan (Tidak Melebihi 500m2)
5	7.1.2020	Mgb Sany (M) Ibs Sdn Bhd Mukim Ijok, Alam Perdana, 42300 Bandar Puncak Alam, Selangor	Membuat/Memproses Simen Atau Barang Daripada Simen Atau Batu (Melebihi 2000m2)

## DESA COALFIELDS

BIL	TARIKH TAMAT	LOKASI	JENIS LESEN
1	25.1.2020	Sajian Ambang Sdn Bhd Jalan Dc 4/5, Desa Coalfields, 47000 Sungai Buloh, Selangor	Memproses Makanan /Minuman
2	1.11.2019	Ehsan Murni Foods Manufacture Jalan Dc 4/3, Desa Coalfields, 47000 Sungai Buloh, Selangor	Memproses Makanan /Minuman
3	12.9.2019	Ccsm Trading Blok E, Jalan Dc 4/5, Desa Coalfields, 47000 Sungai Buloh, Selangor	Membuat/Memproses Aluminium, Tembaga, Emas, Perak, Piuter, Besi, Timah Putih, Keluli Atau Logam Lain (Tidak Melebihi 500m2)

## SUNGAI BULOH

BIL	TARIKH TAMAT	LOKASI	JENIS LESEN
1	17.1.2020	Dof Maikrographic System (M) Sdn Bhd Jalan Dahlia 2 Taman Saujana Utama 47000 Sungai Buloh	Menjual/Memberi Perkhidmatan Makmal Memproses Gambar
2	27/01/2020	Ps Photo & Communication Jalan Jati 3 Taman Saujana Utama 47000 Sungai Buloh	Menjual/Memberi Perkhidmatan Makmal Memproses Gambar
3	09/12/2019	Khalah Foto Enterprise Jalan Bidara 9/3 Saujana Utama 3, 47000 Sungai Buloh	Menjual/Memberi Perkhidmatan Makmal Memproses Gambar
4	06/02/2020	Tycoplas Sdn Bhd Jalan Kuala Selangor Kampung Ijok 47000 Sungai Buloh	Membuat/Memproses Barang Daripada Plastik Dan Barangan Daripada PVC (Tidak Melebihi 500m2)
5.	29/05/2019	Hexa Food Tech & Industries Sdn Bhd Jalan Bidara 7/1 Saujana Utama 3, 47000 Sungai Buloh	Membuat/Memproses Makanan 7 Minuman (5012m2 Hingga 1000m2)
6.	09/04/2019	Bumbong Photodesign Jalan SP 11/1 Seri Pristana 47000 Sungai Buloh	Menjual/Memberi Perkhidmatan Makmal Memproses Gambar

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : HAD UMUR BELIA**

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mengikut taraf had umur belia yang diumumkan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia iaitu belia dikira berumur bawah 30 tahun?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri meneliti dengan rapat pindaan Rang Undang-Undang Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Akta 688) yang menghadkan umur belia dari 40 ke 30 tahun seperti yang telah diluluskan di Dewan Rakyat baru-baru ini. Hal ini adalah selaras dengan takrifan Dasar Belia Selangor yang mana umur belia adalah antara 15 hingga 30 tahun. Takrifan ini selari dengan piawaian takrifan belia yang digunakan di peringkat antarabangsa.

Kerajaan Negeri secara dasarnya menyokong keputusan tersebut terutamanya yang melibatkan pertubuhan-pertubuhan belia. Ini juga terpakai bagi had umur pelantikan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Negeri Selangor.

Walau bagaimanapun, bagi program-program pembangunan belia, definisi belia masih ditakrifkan dari umur 15 hingga 40 tahun. Ini kerana sebahagian besar belia Selangor berumur 30 tahun ke atas masih aktif dalam program pembangunan belia, aktiviti sukan dan program 'outdoor' dan Selangor tidak akan meminggirkan mereka.

Namun begitu, Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama dan kekal komited bersama Kementerian Belia dan Sukan dalam setiap usaha pembangunan belia di Selangor secara khasnya dan Malaysia secara amnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : KAMPUNG TRADISI**

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan EXCO untuk menaiktarafkan taraf kampung tradisi melalui program kebudayaan dan warisan?
- b) Adakah tidak peruntukan yang diberikan kepada kampung tradisi untuk membangunkan produk-produk berpotensi tempatan?

**JAWAPAN:**

- a) Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi mengambil maklum akan kepentingan aspek budaya dan warisan terutamanya yang melibatkan Kampung Tradisi. Saban tahun, banyak program-program kebudayaan dan warisan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri termasuklah pelancaran dan penggunaan lagu tema Kitakan Sekampung.

Lagu ini dicipta dan digubah dengan memilih irama etnik kreatif sebagai asas susunan muzik dan lirik. Susunan muzik dan lirik tersebut diterjemahkan di dalam video klip yang berdurasi 60 saat yang berlatar belakangkan suasana kampung dan desa di Negeri Selangor khususnya dan ditayangkan setiap kali program yang melibatkan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar , Desa dan Kampung Tradisi.

Kerajaan Negeri yakin dan percaya usaha-usaha yang dijalankan untuk menaiktaraf Kampung Tradisi melalui program kebudayaan dan warisan mampu untuk menjadi pendorong utama merapatkan hubungan dan kemesraan di kalangan masyarakat kampung tradisi tanpa mengira perbezaan fahaman, bangsa dan taraf kehidupan.

Selain itu, semua Pejabat Daerah dan Tanah diminta untuk mengenal pasti elemen warisan yang masih ada di kampung tradisi masing-masing seperti Rumah Warisan dan tinggalan-tinggalan sejarah lama yang boleh dikekalkan dan dipulihara. Sejajar dengan maksud tersebut, Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar akan melaksanakan Anugerah Kampung Tradisi Terbaik Negeri Selangor 2019 yang dijangka akan dimulakan pada bulan Ogos ini. Satu kategori baharu telah diwujudkan iaitu kategori Rumah Tradisional Terbaik. Pertandingan ini turut melibatkan pihak Perbadanan Adat Melayu dan Warisan

Negeri Selangor (PADAT) selaku penasihat dan bertindak sebagai juri bagi kategori tersebut.

Salah satu lagi usaha Kerajaan Negeri untuk menaikkan taraf dan mengiktiraf Kampung Tradisi melalui elemen kebudayaan dan warisan ialah menerusi Program Sayangi Desa yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi. Program ini diadakan di setiap daerah di Negeri Selangor secara berjadual dan bertema yang bertujuan untuk memperkukuh hubungan silaturahim antara pemimpin dan masyarakat. Ianya juga bertujuan untuk mengetengahkan semula keunikan adat warisan budaya tradisi di setiap daerah atau kampung kepada masyarakat setempat supaya tidak hilang ditelan zaman dan terus dipelihara oleh generasi muda untuk memperkukuhkan diri bangsa Malaysia.

Salah satu aktiviti wajib di dalam Program Sayangi Desa adalah Jelajah Kampung. Inisiatif ini dapat membolehkan Kerajaan Negeri untuk memanfaatkan potensi budaya dan warisan sedia ada di kampung tersebut untuk di promosikan atau dinaiktaraf supaya ianya kekal relevan untuk manfaat generasi masa hadapan.

- b) Pada masa ini, Kerajaan Negeri belum menyediakan sebarang peruntukan khas yang diberikan kepada Kampung Tradisi untuk membangunkan produk-produk berpotensi tempatan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan ada menyalurkan bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS) kepada usahawan mikro melalui sembilan (9) daerah di Negeri Selangor. Dana ini merupakan program khas yang bertujuan untuk membantu usahawan mikro di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil jualan produk-produk hasil tempatan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju. Setiap tahun sekurang-kurangnya 100 usahawan menikmati manfaat daripada bantuan ini.

Kerajaan Negeri memperuntukkan dana sebanyak RM250,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Lima Puluh Ribu) bagi setiap daerah untuk disalurkan kepada pemohon yang layak. Setiap pemohon yang layak akan menerima bantuan sehingga RM30,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Ribu). Skop bantuan DUMS ini adalah seperti berikut:

- Bantuan pembelian mesin/ peralatan/ perkakasan;
- Meningkatkan kualiti premis/ perniagaan iaitu mengubahsuai/ menaikkan taraf;

- Pembiayaan sebahagian kos penyertaan usahawan ke ekspo jualan dan promosi di dalam dan luar negara;
- Pembiayaan sebahagian kos untuk pembangunan produk dan pensijilan seperti ujian nutrisi, pendaftaran cap dagang, pencarian dan pendaftaran paten, perlindungan harta intelek, pensijilan GMP, HALAL, HACCP, ISO dan lain-lain dalam mematuhi standard nasional, antarabangsa dan menembusi pasaran global; dan
- Lain-lain keperluan yang mempunyai nilai tambah dan mampu melonjakkan pembangunan usahawan mikro di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PERUNTUKAN SEKOLAH DALAM SELANGOR**

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukkan baik pulih sekolah-sekolah dalam Negeri Selangor?
- b) Apakah jenis-jenis bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada sekolah yang beroperasi dalam Selangor?

**JAWAPAN:**

**JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER  
MANUSIA (BPSM), SUK**



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN  
(N13 KUANG)**

**TAJUK : PEMBATALAN LESEN PENDUDUKAN TANAH SEMENTARA**

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejak dari tahun 2008, Kerajaan tidak lagi menyambung lesen T.O.L ke atas tanah-tanah yang diberi lesen berkenaan. Kemungkinan ada kilang atau aset yang didirikan di atas tanah tersebut. Setelah lesen tersebut dibatalkan, apakah tindakan Kerajaan terhadap aset-aset tersebut?
  
- b) Adakah Kerajaan mendapat hasil daripada tanah-tanah yang diduduki selepas pembatalan T.O.L?

**JAWAPAN:**

- a) Apabila Lesen Pendudukan Sementara (LPS) dibatalkan, apa-apa pendudukan di atas tanah kerajaan adalah menjadi tidak sah dan pengusaha boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara iaitu pendudukan secara tidak sah di atas tanah kerajaan.
  
- b) Tiada hasil yang diperolehi selepas pembatalan LPS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : JELAPANG PADI NEGERI SELANGOR**

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci jumlah keseluruhan keluasan tanah pertanian sawah padi di Negeri Selangor mengikut daerah.
- b) Berapakah jumlah pengeluaran hasil padi mengikut musim dari tahun 2016-2019?

**JAWAPAN:**

- a) Keluasan tanaman padi mengikut daerah adalah seperti berikut;

<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>Luas bertanam (ha)</b>
1	Kuala Selangor	5,583
2	Sabak Bernam	12,771
<b>Jumlah</b>		<b>18,354</b>

- b) Jumlah hasil padi mengikut musim 2016 – 2019

<b>Bil</b>	<b>Tahun</b>	<b>Hasil (tan/ha)</b>
1	2016	4.617
2	2017	4.559
3	2018	4,678
4	2019	4,900*

\* berdasarkan hasil musim utama 2019/2019

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : MASJID DAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM**

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci jumlah masjid dan rumah ibadat bukan Islam mengikut daerah.
- b) Berapakah jumlah pembinaan rumah ibadat bukan Islam yang baru dibina sejak 2008-2018 mengikut daerah?
- c) Apakah kriteria dan syarat untuk membolehkan suatu rumah ibadat bukan Islam itu dibina?

**JAWAPAN:**

**JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI SELANGOR**

- a) Jumlah masjid mengikut daerah:

<b>BIL.</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH MASJID</b>
1.	Sabak Bernam	48
2.	Kuala Selangor	58
3.	Klang	48
4.	Kuala Langat	33
5.	Sepang	27
6.	Hulu Langat	53
7.	Gombak	46
8.	Hulu Selangor	25
9.	Petaling	87
<b>JUMLAH</b>		<b>425</b>

## SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (UPEN)

- a) Berdasarkan statistik pada tahun 2017, terdapat sejumlah terdapat sejumlah 1,834 buah rumah ibadat selain Islam di Negeri Selangor. Berikut adalah ringkasan rumah ibadat selain Islam di Negeri Selangor seperti di Jadual 1:

### JUMLAH RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM NEGERI SELANGOR MENGIKUT DAERAH SEHINGGA TAHUN 2017

BIL	DAERAH	PBT	RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM			JUM
			TOKONG	KUIL	GEREJA	
1.	PETALING	MBSA	22	60	11	93
2.		MBPJ	45	52	36	133
3.		MPSJ	67	70	30	167
4.	HULU LANGAT	MPKJ	68	64	10	142
5.		MPAJ	436	41	29	506
6.	GOMBAK	MPS	15	25	4	44
7.	KLANG	MPK	297	167	13	477
8.	SEPANG	MPSP	8	18	1	27
9.	KUALA SELANGOR	MDKS	26	41	7	74
10.	SABAK BERNAM	MDSB	47	5	1	53
11.	KUALA LANGAT	MDKL	31	57	9	97
12.	HULU SELANGOR	MDHS	10	9	2	21
JUMLAH			1,072	609	153	1,834

- b) Sejak tahun 2008 - 2018, terdapat 463 buah rumah ibadat selain Islam yang telah dibina di Negeri Selangor. Berikut adalah butiran jumlah rumah ibadat selain Islam yang telah dibina sejak tahun 2008 – 2018 seperti di Jadual 2.

DAERAH	JENIS RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM				
	TOKONG	KUIL	GEREJA	GURDWARA	JUMLAH
Petaling	9	12	9	2	32
Gombak	2	2	3	0	7
Hulu Langat	9	5	2	0	16
Klang	5	5	4	0	14
Sepang	15	35	12	0	62
Kuala Langat	3	3	2	0	8
Kuala Selangor	1	0	1	0	2
Hulu Selangor	2	1	0	0	3
Sabak Bernam	38	6	1	0	45
<b>JUMLAH</b>	<b>84</b>	<b>69</b>	<b>34</b>	<b>2</b>	<b>189</b>

- c) Kerajaan Negeri telah menggunakan manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi 2) yang telah diluluskan pemakaiannya di MMKN ke 39/2010 pada 27hb. Oktober 2010 dan disahkan di MMKN ke 40/2010 pada 3hb. November 2010 dan Garis Panduan Hal Ehwal Selain Islam Negeri Selangor (Pindaan 2018). Berikut adalah ketentuan yang disyaratkan di dalam sesebuah pembangunan bagi rumah ibadat selain Islam di dalam manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi 2):

	Tokong	Kuil	Gereja	Lain-lain
Keluasan Tapak	Tidak melebihi 0.5 hektar (1.2 ekar) dan kawasan lot yang diliputi oleh bangunan adalah di antara 40% - 60%			
Tadahan Penduduk	5,000 penduduk / 1 tapak atau 2,600 penganut/ 1 tapak			

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : HUTANG NEGERI SELANGOR**

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perincian jumlah hutang Negeri Selangor mengikut tahun sejak tahun 2008-2018.
- b) Nyatakan jumlah hutang Negeri Selangor sehingga hari ini.
- c) Apakah mekanisme dan kaedah pembayaran hutang dan statusnya mengikut tahun sejak tahun 2008-2018?

**JAWAPAN:**

- a) Perincian jumlah hutang Negeri Selangor mengikut tahun semenjak tahun 2008 sehingga 2018 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Hutang (RM Juta)</b>
2008	1,072.98
2009	1,063.55
2010	1,004.65
2011	979.64
2012	897.03
2013	882.62
2014	957.20
2015	1,028.36
2016	1,095.06
2017	1,120.91
2018	1,107.40

- b) Jumlah terkini hutang Kerajaan Negeri terhadap Kerajaan Persekutuan sehingga **30 Jun 2019** adalah berjumlah **RM1,100.76 juta**.

Perinciannya adalah seperti berikut:

- (i) Projek Bekalan Air : RM1,072.32 juta;
- (ii) Skim Amanah Saham Selangor : RM9.47 juta; dan

- (iii) Projek Peluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya Selangor : RM18.97 juta.
- c) Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam membuat bayaran balik mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Perincian bayaran balik pinjaman oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2018 yang berjumlah **RM24,311,181.79** adalah seperti berikut:

- (i) Projek Bekalan Air : RM17,674,099.60;
- (ii) Skim Amanah Saham Selangor : RM1,893,379.46; dan
- (iii) Projek Peluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya Selangor : RM4,743,702.73.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : HUTAN SIMPAN DI SELANGOR**

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah keluasan hutan simpan kekal di Negeri Selangor mengikut daerah?
- b) Apakah usaha dan inisiatif Kerajaan dalam menjaga ekosistem serta reservasi hutan simpan kekal?
- c) Berapa bilangan kes pencerobohan hutan simpan kekal dan keluasan pencerobohan yang terlibat mengikut daerah?

**JAWAPAN:**

- a) Pada tahun 2019, jumlah keseluruhan keluasan Hutan Simpanan Kekal yang telah diwartakan telah meningkat daripada 250,129 hektar kepada 250,209 hektar. Jumlah keluasan HSK mengikut daerah pentadbiran tanah adalah seperti berikut :

<b>Bil.</b>	<b>Daerah Sivil</b>	<b>Keluasan (Ha)</b>
1.	Sabak Bernam	50,953.10
2	Kuala Selangor	24,768.29
3.	Klang	15,918.37
4.	Kuala Langat	7,530.31
5.	Sepang	2,858.67
6.	Petaling	3,788.77
7.	Gombak	30,102.14
8.	Hulu Langat	31,216.86
9.	Hulu Selangor	83,073.05
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>250,209.56</b>

- b) Sesungguhnya Negeri Selangor amat bertuah kerana memiliki ketiga-tiga (3) jenis hutan utama iaitu Hutan Paya Laut (Bakau), Hutan Paya Gambut dan Hutan Darat (yang terdiri daripada Hutan Tanah Pamah, Hutan Bukit, Hutan Tanah Tinggi dan Hutan Pergunungan). Pada tahun 2010, pihak Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkan Dasar Moratorium, iaitu pembekuan kawasan pembalakan komersial di dalam Hutan Simpanan Kekal untuk tempoh 25 tahun bermula dari tahun tahun 2010 hingga 2035. Antara tujuan Dasar



Moratorium ini dilaksanakan adalah bagi memastikan kawasan-kawasan HSK terpelihara dan terpelihara, kelestarian habitat dan ekosistem terjamin, kepelbagaian biologinya terjaga dan boleh diurus dengan sebaik-baiknya dan terlalu banyak kebaikan yang diperolehi daripada pelaksanaan dasar ini.

Bagi Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, pewartaan Hutan Simpanan Kekal (HSK) mengikut kategori Kelas Fungsi Hutan sepertimana di bawah Seksyen 10, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 juga merupakan salah satu perancangan jangka masa panjang bagi pemuliharaan ekosistem kerana setiap HSK boleh dikelaskan mengikut fungsi hutan yang bersesuaian. Contohnya, seluas 93,002 hektar kawasan telah diwartakan di bawah Kelas Fungsi Hutan Taman Negeri Selangor manakala seluas 44,543 hektar kawasan telah diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah mewujudkan Zon Pembangunan Taman Negeri Selangor atau "**buffer zone**" pada jarak 300 meter dari sempadan HSK. Setiap pembangunan meliputi kawasan ini perlu mendapat ulasan dan maklumbalas teknikal daripada pihak JPNS sebelum diangkat untuk permohonan kelulusan kepada Pihak Berkuasa Negeri/Tempatan.

Bagi kawasan hutan terosot, Jabatan ini senantiasa menjalankan projek/aktiviti penanaman semula kawasan hutan dengan spesies-spesies pokok yang sesuai untuk menggayakan semula (Restorasi) kawasan tersebut secara berterusan. Projek ini adalah meliputi semua jenis hutan yang terdapat di Negeri Selangor. Peruntukan yang digunakan adalah daripada Projek Pembangunan (P10) iaitu dari pihak Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan melalui Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

Salah satu projek diperingkat nasional yang memerlukan keterlibatan pihak JPNS secara langsung ialah projek "**Central Forest Spine**" dan projek ini sedang giat dilaksanakan di negeri ini. Tujuan Projek CFS diwujudkan adalah bagi mewujudkan kawasan koridor ekologi untuk haiwan dimana koridor laluan adalah untuk menghubungkan kawasan-kawasan hutan yang telah terpisah di antara satu dengan yang lain dan sekaligus membolehkan haiwan-haiwan bergerak dari satu kawasan hutan ke kawasan hutan yang lain.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perhutanan juga telah meluluskan dan dimaklumkan mengenai beberapa dokumen perancangan pengurusan hutan mengikut jenis dan pengelasan hutan bagi pengurusan hutan secara jangka sederhana dan jangka panjang yang menjurus kepada pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem hutan di Negeri Selangor. Buku Rancangan Pengurusan diwujudkan khusus mengikut keperluan sesuatu kawasan hutan tersebut. Dokumen Rancangan Pengurusan ini membolehkan pihak JPNS dan jabatan/agensi yang lain bersama-sama menguruskan sesuatu kawasan hutan

tersebut secara bersepadu dan lebih sistematik. Di antara buku rancangan pengurusan yang telah dihasilkan adalah seperti berikut :-

- (i) Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Selangor 2011 – 2020;
- (ii) Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Selangor 2011-2020
- (iii) *Integrated Management For North Selangor Peat Swamp Forest* 2014 – 2023 vol. I dan vol. II;
- (iv) Rancangan Kerja Hutan Paya Laut 2009 – 2019;
- (v) Rancangan Pengurusan Hutan Taman Warisan Negeri Selangor 2011 – 2020;
- (vi) Rancangan Pengurusan Hutan Tadahan Air Negeri Selangor 2013 – 2022;
- (vii) Rancangan Pengurusan Hutan Simpan Kota Damansara;
- (viii) Rancangan Pengurusan Hutan Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi (HCVF) di Negeri Selangor;
- (ix) Rancangan Tahunan Hutan;
- (x) Penilaian Penglibatan Komuniti Setempat Terhadap Program Pemuliharaan Hutan Paya Gambut Di Selangor;
- (xi) Garis Panduan Jalan Hutan 2010 (Pindaan 2013).
- (xii) Laporan Inventori Hutan Nasional Semenanjung Malaysia Kelima (Hutan Paya Laut)
- (xiii) Pelan Pembangunan Hutan Lipur Sg Tua Selangor.
- (xiv) Laporan Bancian Flora Dikawasan CFS SL3 Selangor.
- (xv) Kajian Komposisi Spesies Dan Nilai Ekonomi Kawasan Hutan Tadahan Air Hutan Simpanan Kekal Negeri Selangor 2011
- (xvi) Prosiding Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Simpan Kota Damansara, Selangor Ke Arah Pembentukan Model Hutan Komuniti Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

(xvii) Rancangan Pengurusan Hutan Tadahan Air Negeri Selangor 2013-2022.

Kesemua dokumen dan maklumat perancangan pengurusan hutan adalah amat penting dan berguna sebagai garis panduan di dalam Pengurusan Hutan Secara Berkekalan khususnya di Negeri Selangor.

- c) Daripada tahun 2018 hingga 2019, sebanyak lima belas (15) kes pencerobohan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) berjaya dikesan berlaku di negeri Selangor melibatkan keluasan sejumlah lebih kurang 20 hektar. Sebanyak lapan (8) kes direkodkan berlaku di dalam Daerah Hutan Pantai Klang, empat (4) kes di Daerah Hutan Hulu Selangor dan tiga (3) kes di Daerah Hutan Selangor Tengah.

Daripada lima belas (15) kes tersebut, sebanyak tiga belas (13) kes masih lagi dalam proses siasatan, satu (1) kes telah diselesaikan dengan tindakan kompaun kepada pesalah sejumlah RM10,000 dan satu (1) kes dikategorikan tiada tindakan lanjut (NFA).

\*NFA – No Further Action

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : TANAH RIZAB MELAYU**

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah keluasan terkini tanah rizab Melayu di Negeri Selangor mengikut daerah?
- b) Berapakah jumlah keluasan tanah rizab Melayu yang telah dibuat pembangunan mengikut daerah?
- c) Berapakah permohonan untuk menukar status tanah rizab Melayu yang pernah diterima dan berapa yang diluluskan?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan rekod di PTGS sehingga 16 Julai 2019, data keluasan Tanah Rizab Melayu yang telah diwartakan di Negeri Selangor adalah sebanyak **401,022.2219 ekar**. Berikut adalah pecahan mengikut Daerah:

<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH KELUASAN TERKINI (EKAR)</b>
PETALING	2,822.6800
GOMBAK	13,383.5232
KLANG	21,078.8780
SEPANG	31,370.6886
HULU SELANGOR	37852.8300
HULU LANGAT	33,795.3000
KUALA LANGAT	36,732.1300
KUALA SELANGOR	60,808.0411
SABAK BERNAM	163,178.1510
<b>JUMLAH</b>	<b>401,022.2219</b>

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Seluruh Negeri Selangor pengemaskinian sehingga 16 Julai 2019

- b) Tanah rizab Melayu yang telah dibuat pembangunan mengikut daerah bagi tempoh 2013 – 2019 adalah seperti berikut:-

<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>Jumlah keluasan (ekar)</b>
1.	Petaling	15.592
2.	Kuala Langat	413.5714
3.	Sabak Bernam	158.80816
4.	Kuala Selangor	61.7109
5.	Gombak	127.824
6.	Klang	532.5911
7.	Hulu Selangor	8.3195
8.	Hulu Langat	189.468
9.	Sepang	1183.59876
<b>Jumlah keseluruhan</b>		<b>2691.48382</b>

- c) Sehingga kini sebanyak 9 permohonan yang telah diterima dan diwartakan bagi tahun 2016 sehingga Julai 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : JAWATAN DISANDANG ADUN BUKIT ANTARABANGSA**

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua jawatan yang masih disandang dan elaun yang diperolehi oleh ADUN Bukit Antarabangsa di bawah Kerajaan Negeri?
- b) Nyatakan sebab jawatan tersebut masih dikekalkan.

**JAWAPAN:**

**JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA PEJABAT MENTERI BESAR SELANGOR**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : KEMPEN BEBAS PLASTIK**

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kutipan dari pelaksanaan kempen tersebut.
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menguruskan wang tersebut?
- c) Sejauh manakah Kerajaan Negeri menilai kejayaan pelaksanaan kempen tersebut?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Kerajaan Negeri Selangor pada masa ini sedang dalam proses merangka mekanisma bagi mendapatkan data yang menyeluruh dan lengkap mengenai statistik penggunaan beg plastik dan kutipan caj 20 sen hasil pelaksanaan kutipan caj kempen tanpa beg plastik di seluruh Negeri Selangor. Adalah dimaklumkan bahawa hasil kutipan caj 20 sen yang dikenakan kepada pengguna bagi setiap penggunaan beg plastik pada ketika ini adalah diuruskan oleh pihak premis perniagaan dengan pantauan Pihak Berkuasa Tempatan dan hasil kutipan tersebut digunakan semula oleh pihak peniaga untuk aktiviti-aktiviti dan program berkaitan alam sekitar di bawah kelolaan pihak pemilik premis sendiri.

Kerajaan Negeri Selangor pada ketika ini juga sedang meneliti pelaksanaan hasil kutipan caj 20 sen untuk diserahkan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk pengurusan dan pemantauan penggunaan beg plastik dan hasil kutipan yang lebih berkesan dan diyakini. Melalui dasar baharu yang sedang dirangka ini, bilangan penggunaan beg plastik akan diperolehi dengan lebih menyeluruh dan tepat serta penggunaan hasil kutipan juga akan memberi manfaat kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di Negeri Selangor.

- c) Pada masa ini, pihak Kerajaan Negeri telah melaksanakan kajian Sikap Penerimaan Kempen Beg Plastik di Negeri Selangor pada tahun 2014, tahun 2017 dan tahun 2018 bagi mendapatkan maklumat berkaitan keberkesanan kempen yang telah dijalankan berdasarkan survey terhadap responden-responen yang dipilih dari kalangan rakyat di seluruh Negeri Selangor.

Hasil kajian tersebut mendapati sebanyak 93% responden bersetuju dan sedar dengan penyertaan kepada kempen ini akan membantu dan menyelamatkan alam sekitar. Selain itu, 79% responden telah kerap membawa beg sendiri ketika membeli-belah setelah kempen ini dilancarkan. Seterusnya, sebanyak 69% responden berpendapat bahawa caj 20 sen yang dikenakan kepada pengguna yang menggunakan beg plastik adalah wajar. Selain itu, hasil dari kajian yang telah dijalankan juga mendapati sebanyak 76% responden tidak merasa terbeban dengan kempen ini dan 66% responden berpuas hati dengan pelaksanaan kempen ini. Ini menunjukkan kesan positif ke atas penerimaan dan kesedaran masyarakat terhadap caj 20 sen yang dikenakan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PELAKSANAAN BAJET SELANGOR 2019**

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci status pelaksanaan Bajet Selangor 2019 mengikut portfolio.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman, berikut adalah jumlah peruntukan mengikut portfolio bagi tahun 2019.

<b>BIL</b>	<b>PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP</b>	<b>PERUNTUKAN 2019 (RM)</b>
1	<b>YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR</b> PEMBANGUNAN MODAL INSAN PENDIDIKAN KEWANGAN PEMBANGUNAN TANAH KOMUNIKASI STRATEGIK	<b>234,918,092.96</b> 1,000,000.00 85,639,510.00 97,978,582.96 40,000,000.00 10,300,000.00
2	<b>YB DATO' TENG CHANG KIM</b> PERINDUSTRIAN DAN PELABURAN	<b>30,000,000.00</b> 30,000,000.00
3	<b>YB DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI</b> PELANCONGAN KEBUDAYAAN PERADABAN MELAYU DAN WARISAN	<b>8,616,500.00</b> 5,150,000.00 1,500,000.00 1,966,500.00
4	<b>YB PUAN DR SITI MARIAH MAHMUD</b> KEBAJIKAN KESIHATAN PEMBERDAYAAN WANITA DAN KELUARGA	<b>187,110,010.00</b> 135,120,000.00 22,050,000.00 29,940,010.00
5	<b>YB PUAN HANIZA MOHAMED TALHA</b> PERUMAHAN KEHIDUPAN BANDAR	<b>13,034,810.00</b> 12,000,010.00 1,034,800.00
6	<b>YB PUAN RODZIAH ISMAIL</b> PEMBANGUNAN USAHAWAN PEMBANGUNAN DESA DAN KG TRADISI	<b>17,746,000.00</b> 6,350,000.00 11,396,000.00
7	<b>YB TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN</b> KERAJAAN PRIHATIN PEMBERDAYAAN DAN PEMBANGUNAN SOSIO EKONOMI	<b>15,500,000.00</b> 3,000,000.00 12,500,000.00
8	<b>YB TUAN HEE LOY SIAN</b> SAINS, TEKNOLOGI, INOVASI ALAM SEKITAR	<b>31,200,000.00</b> 14,000,000.00 8,200,000.00

<b>BIL</b>	<b>PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP</b>	<b>PERUNTUKAN 2019 (RM)</b>
	HAL EHWAL PENGGUNA TEKNOLOGI HIJAU HAL EHWAL SELAIN ISLAM	1,000,000.00 2,000,000.00 6,000,000.00
9	<b>YB TUAN IR IZHAM BIN HASHIM</b> INFRASTRUKTUR KEMUDAHAN AWAM PERMODENAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI	<b>677,653,000.00</b> 623,150,000.00 26,605,000.00 27,898,000.00
10	<b>YB TUAN NG SZE HAN</b> PEMBANGUNAN KG BARU KERAJAAN TEMPATAN PENGANGKUTAN AWAM	<b>49,014,787.04</b> 5,000,000.00 14,014,787.04 30,000,000.00
11	<b>YB TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN</b> PEMBERDAYAAN GENERASI MUDA DAN SUKAN	<b>15,206,800.00</b> 15,206,800.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,280,000,000.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PENETAPAN I-CITY SEBAGAI KAWASAN SEGI TIGA EMAS**

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah faktor penetapan I-City sebagai kawasan segi tiga emas?
- b) Apakah kesannya terhadap harga tanah di I-City dan kawasan sekitarnya?

**JAWAPAN:**

- a) Pemajuan kawasan komersial oleh pemaju Tetuan I-City seluas 72 ekar tidak pernah diberi sebarang pengiktirafan sebagai “Segi Tiga Emas” sebagaimana yang didakwa.

Walau bagaimanapun, pihak pemaju Tetuan I-City telah mendapat pengiktirafan persijilan sebagai **MSC Malaysia Cybercentre pada 21hb Ogos 2008** oleh Multimedia Super Corridor Malaysia.

Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan 25/2008 yang diadakan pada 27hb Ogos 2008 memaklumkan bahawa D.Y.M.M. Sultan Selangor telah bertitah hanya aktiviti berikut dibenarkan dijalankan di kawasan International Zone yang dipohon oleh I-Berhad (I-City):

- i. Teater
- ii. Panggung wayang
- iii. Bowling
- iv. Pusat hiburan keluarga
- v. Restoran

Dan larangan terhadap aktiviti berikut:

- i. Snuker
- ii. Pusat urut
- iii. Pusat judi
- iv. 4D toto
- v. Pusat karaoke dengan perkhidmatan GRO

Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan 17/2010 yang diadakan pada 12 Mei 2010 telah meluluskan komponen dan aktiviti

pembangunan I-City Properties Sdn. Bhd. sebagai Zon Antarabangsa seperti berikut:

- i. Mewujudkan 'Technopreneur Campus' yang beroperasi 24 jam;
  - ii. Kawasan I-City perlu dikawal dengan sistem keselamatan yang ketat;
  - iii. Sistem kumbahan dan buangan sisa pepejal berkala yang diuruskan oleh I-City;
  - iv. Bekalan air dan elektrik yang mencukupi dan tidak terganggu termasuk 'Backup Electrical Supply';
  - v. Kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi dan lain-lain 'high technology';
  - vi. Menerapkan elemen lanskap/ *green environmental* selaras dengan pembangunan mampan;
  - vii. Mengadakan program-program aktiviti pelancongan, kebudayaan dan *night tourism*;
  - viii. Mewujudkan Kompleks Hotel yang mempunyai hotel, kedai bebas cukai, pusat hiburan dan pusat penjualan barangan berjenama dengan konsep Boutique Hotel;
  - ix. Mengadakan *shuttle bus* dari Pusat Bandar Shah Alam, Klang, Petaling Jaya dan stesen komuter terdekat;
  - x. Cukai taksiran/ tanah perlu dijelaskan kepada PBT/ Pejabat Tanah dan Daerah;
  - xi. Sistem pungutan sampah berjadual oleh I-City;
  - xii. Cadangan permohonan tanah TOL bagi simpanan sungai bagi tujuan program pengindahan dan penghijauan landskap;
  - xiii. Cadangan permohonan pertukaran nama Plaza Tol Sungai Rasah kepada Tol I-City;
  - xiv. Cadangan permohonan untuk mengubahsuai 60 x 600 kaki persegi lot kos rendah ke 36,000 kaki persegi lot inkubator yang akan disewakan dengan kadar minimum untuk aktiviti IT Retails Entrepreneurs dan ruang pejabat;
  - xv. Cadangan penukaran nama Low Cost Lot kepada Low Rental Space Raea atau Affordable Rental Space untuk usahawan yang baru memulakan perniagaan menyewa dengan kadar rendah;
  - xvi. Menggunapakai Green Building Index dan OKU Friendly;
  - xvii. Memperkenalkan konsep Plug and Play dan menjadikan I-City sebagai incubator kepada technopreneur dengan kadar sewaan yang paling minimum; dan
  - xviii. Mewujudkan Islamic Financial Hub
- b) Secara amnya, semenjak pembukaan I-City pada tahun 2009 sehingga 2019 bagi tempoh 10 tahun, prestasi pasaran harta tanah di kawasan I-City dan kawasan sekitar bagi sektor kediaman dan perniagaan dilihat meningkat secara sederhana iaitu sebanyak 75.3% ( 7.53%. setahun)

Berdasarkan kepada bukti-bukti jualbeli harta tanah yang direkodkan di JPPH mendapati bagi sektor kediaman, prestasi pasaran bagi semua jenis kediaman dari tahun 2009 hingga 2019 mencatatkan 73.1% atau 7.31% setahun. Prestasi kenaikan yang tertinggi dicatatkan 81.7% (8.17% setahun) bagi jenis rumah teres 2 tingkat. Ini diikuti rumah berkembar 2 tingkat berjumlah 75.8% (7.58% setahun). Selain itu, jenis rumah bandar (town house) mencatatkan prestasi pasaran kenaikan yang lebih rendah iaitu 67.1% atau 6.71% setahun.

Bagi sektor perniagaan pula, prestasi pasaran bagi semua jenis hartanah perniagaan dilihat lebih baik berbanding sector kediaman dimana jumlah kenaikan mencatatkan sebanyak 80.3% atau (8.03% setahun). Prestasi pasaran kenaikan yang tertinggi dicatatkan berjumlah 114.1% atau 11.41% setahun bagi jenis kedai/pejabat 3 tingkat manakala peratus kenaikan yang terendah ke atas jenis unit kedai dalam kedai/pejabat mencatatkan jumlah sebanyak 61.2% (6.12% setahun).